

HARI MINGGU 27 SEPTEMBER 2026		
KETUAI SEMBIANG	The Revd Ron Bunchol	
JAKU AJAR	Reader Gabriel Henry Ajin	
SEMPEKAT LAMA	Pemansut 17 : 1 - 7	Sdri. Amylia Drahan
SEMPEKAT BARU	Pilipi 2 : 1 - 13	Sdri. Liba Bikoi
INJIL	Matthew 21 : 23 - 32	Reader Gabriel Henry Ajin
SAMPI PINTA	Reader Gabriel Henry Ajin	

KEAHLIAN GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk bersama-sama merealisasikan **VISI** dan **MISI** Gereja kita, anda digalakkan untuk bertemu dengan mana-mana ahli-ahli **TIM PASTORAL** untuk mendapat maklumat lanjut.

Untuk menjadi **AHLI BERDAFTAR GEREJA**, sila isi **BORANG PENDAFTARAN** yang boleh didapati daripada para penyambut tetamu. **Menjadi ahli Gereja adalah sangat penting untuk semua orang Kristian.**

PEMBERIAN KEPADA DANA-DANA GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk memberi dengan murah hati kepada mana-mana dana-dana Gereja kita, anda boleh melakukannya secara tunai atau cek melalui sampul surat yang tersedia, menggunakan kod-kod QR di bawah atau atas talian ke akaun bank Gereja kita seperti yang tertera di bawah. Tuhan kita bersuka cita dengan sesiapa yang memberi dengan murah hati.

PEMBAPTISAN UNTUK KANAK-KANAK

Pembaptisan boleh dilakukan pada hari Sabtu ke 4 setiap bulan. Isikan borang dan hantarkan ke Pejabat.

TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH

No. 262, Lorong Song 1, Tabuan Heights, 93350 Kuching, Sarawak, MALAYSIA.

Tel: 082-369333 / 504372 Tel. Bimbit: 013-8383436 Emel: office@tjac.org.my

Laman web: www.tjac.org.my Facebook: tjackuching Instagram: tabuanjayaanglican

Vicar: The Revd Richard Chang Paderi: The Revd. Lawrence Wah Onn, The Revd Ron Bunchol

Sub-Deacon: Helen Chan, John Cheong, Irvin Lim, Gabriel Henry, Frank Jitab, Yap Min Su

			
			
Dana Bangunan Gereja	Dana Misi	Pemberian Hari Minggu	Persepuluhan

AKAUN BANK DANA AM GEREJA

Public Bank
3207398133

Sila hantar slip bank ke Pejabat Gereja melalui WhatsApp di 013-8383436 dan nyatakan tujuan transaksi itu.

DIOCESE OF KUCHING



TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH



VISI

MENJANGKAUI untuk KRISTUS seluas-luasnya bermula daripada Tabuan Jaya

MISI

Membina satu KOMUNITI KRISTIAN yang MENGASIHI dan MENGENALI KRISTUS dan berusaha untuk MEMBERITAKAN DIA kepada ORANG LAIN

TEMA 2026

BIARLAH SABDA KRISTUS MENETAP DALAM DIRIMU DENGAN SEGALA KEKAYAAN DAN KEBIJAKSANAANNYA. (KOLOSE 3:16)

HIJAU	MINGGU YANG KE 16 SELEPAS TRINITI (MINGGU MISI DIOSIS)	20 SEPTEMBER 2026
PENGUCAPCARA	The Revd Frederick Romzy	
PENGKHUTBAH	Bishop Andie Shie	
BACAAN PERTAMA	Yesaya 52:7-10	Sdr Stevenson Stephen
BACAAN KEDUA	Efesus 2:13-22	Sdri Bibiyana Cicilia Christina
INJIL	Markus 5: 21-43	Reader Gabriel Henry Ajin
PENDOA SYAFAAT	Sdr Andrew Sidney Nuek	

DOA RINGKAS HARI INI

Allah Yang Mahakuasa, yang memanggil Gereja-Mu untuk bersaksi bahawa Engkau berada di dalam Kristus yang mendamaikan manusia dengan-Mu; bantulah kami agar dapat memberitakan kabar baik kasih-Mu, agar semua yang mendengarnya dapat berdamai dengan Engkau; melalui Dia yang mati untuk kami dan bangkit kembali dan memerintah bersama-Mu dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amen

DOA SELEPAS PERJAMUAN

Allah yang Kekal, pemberi kasih dan kuasa; Anak-Mu Yesus Kristus telah mengutus kami pergi ke seluruh dunia untuk memberitakan Injil kerajaan-Nya: tetapkan kami dalam misi ini, dan tolong kami untuk menjalani hidup sesuai dengan berita baik yang kami nyatakan; melalui Yesus Kristus, Tuhan kita. Amen.

SELAMAT DATANG KE GEREJA ANGLIKAN TABUAN JAYA

Selamat datang kepada semua yang bersama kita menyembah Tuhan hari ini, lebih-lebih lagi bagi mereka yang datang buat pertama kali.

MALAM DOA KORPORAT

Tarikh: **23 September 2026** Waktu: 7:45 malam Tempat: Chapel

Marilah kita datang bersama-sama menyokong jemaat dalam doa. Tema doa ialah **Pray for Confirmation Service and Candidates** yang akan diketuai oleh The Revd Lawrence Wah Onn

PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN 2026

Upacara Pembaptisan : **26 September 2026 (Sabtu)** Waktu: 9:00 pagi

Tempat: Lobi Gereja (**Jamuan ringan akan diadakan selepas upacara. Semua pengajar-pengajar dijemput meraikan bersama calon-calon Pembaptisan.**)

Kebaktian Penetapan : **4 Oktober 2026 (Ahad)** Waktu: 9:00 pagi

Tempat: Main Sanctuary (**Kebaktian Gabungan**)

Semua dijemput hadir ke Kebaktian Penetapan ini.

PENJADUALAN SEMULA HARI KELUARGA TJAC 2026

Dengan penuh sukacita dan berpanduan pimpinan Tuhan serta setelah pertimbangan yang teliti, kami ingin memaklumkan bahawa Hari Keluarga TJAC telah dijadualkan semula ke tarikh **21 November 2026**. Walaupun di luar jangkaan, perubahan ini memberi kita peluang untuk berkumpul dan mengeratkan lagi ikatan sesama kita. Butiran lain mengenai acara ini kekal sama. Sila dapatkan kad ***walkathon*** dan **baju-T** bagi menyokong usaha pengumpulan dana gereja kita. Komitmen anda amatlah bermakna. Terima kasih atas pengertian anda; semoga anda terus diberkati Tuhan.

***Sila ambil perhatian; pagar Gereja ditutup pada pukul 10:00malam setiap malam.**



Tolong senyapkan telefon bimbit anda semasa Kebaktian.

Terimakasih atas kerjasama anda semua

CERAMAH MOTIVASI OLEH PASTOR LAWRENCE SEOW

Tarikh: 9 October 2026(Jumaat) Waktu: 7:30 - 9:30 malam

Theme: **What's Your Food? (John 4: 34)**

Tarikh: 10 October 2026 (Sabtu) Waktu: 9:00 - 11:30 pagi

Theme: **Godly Parents**

Tarikh: 11 October 2026(Ahad) Waktu: 10pagi (English Service)

Theme: **The Three Things(Bring Them In, Build Them Up, Send them Out)**

***Semua dijemput hadir.**

CORNERSTONE 2026

Majalah Cornerstone kembali mempelawa penghantaran artikel yang meraikan iman, komuniti, dan pengalaman bersama kita melalui kesaksian peribadi dan kisah yang memberi inspirasi. Sumbangan anda akan membantu menjayakan majalah ini dan mengeratkan hubungan kita sebagai sebuah komuniti.

Garis panduan untuk artikel:

Tidak melebihi 500 patah perkataan, dalam bentuk fail WORD beserta nama penuh penulis, gambar mestilah disertakan dengan kapsyen

Sila hantar artikel anda ke **cornerstone@tjac.org.my** sebelum atau pada **31 Oktober 2026**.

Penghantaran yang lewat tidak akan diterima. Jawatankuasa Penyuntingan berhak untuk memilih dan menerbitkan artikel berdasarkan ruang yang ada.

IKRAR PEMBIAYAAN 3 PROJEK PENINGKATAN DI TJAC

Tabung Ikrar untuk melaksanakan 3 projek peningkatan akan dilanjutkan ke 2026. Projek-projek tersebut ialah:

1. pembinaan awning di beranda (lobi),
2. pembinaan bumbung dari beranda (lobi) ke Parish House,
3. mengubah suai Chapel.

Jumlah dana yang diperlukan adalah RM120,000.

Letakkan wang tunai dalam sampul surat dan tuliskan "Projek", serta nama anda dan masukkan ke dalam kotak yang disediakan. Pembayaran dalam talian juga boleh dibuat ke Akaun Public Bank TJAC No. 3207398133. Bayaran boleh dibuat sekarang Jumlah diterima sehingga 30 August 2026 ; RM99,687.00.